

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam **1200, Rabu, 25 Oktober 2023**



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN
OGOS 2023**

Ekonomi Malaysia dijangka terus menyederhana dengan Indeks Pelopor mencatatkan marginal negatif 0.5 peratus pada Ogos 2023

PUTRAJAYA, 25 Oktober 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Penunjuk Ekonomi Malaysia: Indeks Pelopor, Serentak & Susulan bagi Ogos 2023**. Indeks Pelopor (IP) ialah alat yang digunakan untuk meramalkan arah aliran ekonomi secara purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Kadar pertumbuhan tahunan Indeks Pelopor terus menyederhana pada Ogos 2023 dengan mencatatkan marginal negatif 0.5 peratus kepada 109.7 mata berbanding negatif 1.0 peratus pada bulan sebelumnya (**Paparan I**). Empat komponen menyumbang secara positif kepada indeks tersebut terutamanya Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (245.7%), diikuti oleh Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (15.2%), Bilangan Syarikat Baru Didaftar (13.1%) dan Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (3.6%). Sebaliknya, Import Benar Semi Konduktor terus menunjukkan penurunan (-31.9%). Melihat kepada prestasi bulanan, LI menunjukkan negatif 0.8 peratus pada Julai 2023 tetapi melonjak semula kepada 0.7 peratus pada bulan rujukan, akibat daripada peningkatan ketara dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain (0.9%)”.

Kadar pertumbuhan IP terlicin Ogos 2023 kekal di bawah aliran 100.0 mata, menjangkakan ekonomi Malaysia akan terus menyederhana disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi global walaupun permintaan domestik kukuh (**Paparan II**).

Merujuk kepada senario ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) mencatatkan pertumbuhan 2.1 peratus kepada 123.6 mata pada Ogos 2023 berbanding 121.0 mata pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan itu disumbangkan oleh semua komponen kecuali Indeks Pengeluaran Perindustrian (-0.4%). Perubahan bulanan IS pula mencatatkan 0.04 peratus untuk mencapai 123.6 mata berbanding 123.5 mata pada Julai 2023, disokong terutamanya oleh peningkatan Jumlah Guna Tenaga, Pembuatan (0.4%).

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Statistik Nadi Kehidupan*”.

Dikeluarkan oleh:


**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
25 OKTOBER 2023**

LAMPIRAN I

Paparan I: Indeks Komposit Pelopor



Paparan II: Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan



Paparan III: Perubahan Tahunan Bagi Komponen Dalam Indeks Pelopor

